

Isi hal 91

BAB III

MANHĀJ TARJĪH HADĪTH OLEH MUHAMMADIYAH

3.1. *Manhāj Ijtihād* Muhammadiyah

Sebelum pengkaji memulakan perbahasan ini secara lebih spesifik, adalah baiknya pengkaji menjelaskan terlebih dahulu pemahaman terhadap beberapa istilah. *Manhāj* untuk menyebut metode *istinbāt* hukum dan *Ijtihād* yang bermaksud usaha yang dilakukan oleh seseorang *faqīh* bagi menghasilkan suatu hukum *shara'* samaada secara ‘*aqliy* ataupun *naqliy*, *qaṭ'iy* ataupun *zanniy*.¹ Secara leksikal, *Manhāj* berarti “*jalan*” atau “*metode*”. Dalam Ilmu Usul fiqh, *manhāj* dimaksudkan sebagai kaedah atau cara yang digunakan oleh seseorang *mujtahid* untuk mengeluarkan hukum *shara'* dari *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, secara *istidlāl* dengan *dalīl* ‘*aqliy*, seperti *qiyās*, *istihsān*, *istiṣḥāb* dan sebagainya².

Istilah *Manhāj Ijtihād* kemudian juga masyhur di kalangan Muhammadiyah. Muhammadiyah menggunakan kata *manhāj* sebagai acuan penggalian hukum Islam, baik dari *dalīl naqliy* maupun ‘*aqliy*. Muhammadiyah merumuskan pedoman dalam ber-*ijtihād* dengan menggunakan sebutan “*Pokok-Pokok Manhāj Tarjīh Muhammadiyah*”. Divisi yang menjalankan tugas *ijtihād* ini ialah *Majlis Tarjīh* Muhammadiyah.

Oleh itu, jelaslah bahawa Muhammadiyah ternyata juga memiliki *manhāj* dalam meng-*istinbāt*-kan sesuatu hukum. *Manhāj* ini merupakan gabungan dan kutipan daripada

¹ Dr. Nādiyah Sharīf al-‘Umriy, *al-Ijtihād fīy al-Islām; Uṣūluhu, Aḥkāmuhu, Āfāquhu*, (Beirut, Lubnan, Muassasah al-Risālah, 2001), 25.

² Dr. Fathīy al-Darīniy, *al-Manāhij al-Uṣūliyyah fīy al-Ijtihād bi al-Ra'yī fīy al-Tashrī' al-Islāmy*, (Damshiq, Dār al-kitāb al-Hadīth, 1975), 34. Dr. Bābakar al-Ḥasan, *Manāhij al-Uṣūliyyīn fīy Turūq Dalālāt al-Alfāz 'Alā al-Aḥkām*, (Kaherah, Maktabah Wahbah, 1989), 7.

manhāj yang pernah digunakan oleh ulama-ulama silam. Walaupun kutipan mereka tidak terikat kepada mana-mana pendapat atau mazhab secara khas. Akan tetapi ianya tidak terkeluar daripada kaedah-kaedah ‘ām yang pernah berkembang pada masa silam pula, kaedah inilah yang disebut dengan *Manhāj Tarjīh* Muhammadiyah.

Manhāj ijtihād tersebut menunjuki bahawa Muhammadiyah tidak bermazhab. Dalam hal ini, dibuktikan dari putusan-putusanya yang tidak merujuk kepada pendapat imam mazhab. Sebab, masalah-masalah yang diputuskan *Majlis Tarjīh* didasarkan atas *naṣ* yang dianggap lebih kuat tanpa merujuk kepada mana-mana mazhab, apatah bersesuaian dengan pendapat mazhab atau tidak. Sungguhpun demikian, tidak bererti bahawa Muhammadiyah anti terhadap mazhab. Muhammadiyah tetap mengakui bahawa Imam Mazhab itu ialah orang-orang yang mempunyai kelebihan dalam meng-*istinbāt* hukum, akan tetapi pendapat para Imam Mazhab tersebut sangat berhubungkait dengan kondisi dan tempat di mana mereka hidup, yang memungkinkan untuk dikaji kembali dan tentu akan dijumpai perbezaan-perbezaan dengan keadaan semasa.³

Meskipun *Manhāj Ijtihād* Muhammadiyah belum dapat dikatakan sebagai susunan Usul fiqh baru, namun ia mengandungi unsur-unsur penting dalam teori ber-*ijtihād*, iaitu menggunakan sumber-sumber hukum, prinsip-prinsip *ijtihād*, dan (kedudukan akal⁴) dalam *tahṣīl al-ahkām*. Dan ternyata, *manhāj* yang demikian telah membawa *Majlis Tarjīh* memutuskan pelbagai masalah dan tidak terikat oleh sesuatu mazhab.⁵

³ Divisi Fatwa Majlis Tarjih dan Tajid, PP. Muhammadiyah, “Mengapa Muhammadiyah Tidak Bermazhab”, Suara Muhammadiyah, September 2008, 38. ed. 17, Yogyakarta.

⁴ Pada permulaan abad XX Islam di Indonesia mengalami perubahan yang besar dengan adanya pembaharuan. Salah satu ciri daripada pembaharuan Islam di Indonesia adalah panggilan untuk *ijtihād*, iaitu penggunaan akal untuk mendapatkan kepastian hukum, selama tidak ber-*ta’āruḍ* dengan *al-Qur’ān* dan *al-sunnah al-Ṣaḥīḥah*. Lihat Prof. Dr. H. A. Mukti Ali, *Beberapa Persoalan Agama Dewasa Ini*, (Jakarta, Rajawali, 1981), 163.

⁵ Dr. H. Fathurrahman Djamil, M.A, *Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah*, (Jakarta, Logos Publishing House, 1995), 158.

Mengenai penggunaan sumber dalil, pada dasarnya *Ijtihād* Muhammadiyah secara mutlak adalah *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*.⁶ Oleh itu, kedua dalil terbabit merupakan pedoman utama dalam penetapan hukum. Hal ini dapat dilihat pada Himpunan Putusan *tarjīh* (HPT) Muhammadiyah yang sentiasa menyebutkan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* sebagai dalil. Keberkesanan ini juga memperlihatkan visi Muhammadiyah yang selama ini dikenal sebagai gerakan pemurnian dengan slogan “*kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah*”.

Dalam masalah sumber hukum Islam, Azhar Basyir⁷ menyatakan bahawa sumber utama hukum Islam ialah; *al-Qur'an*, *al-Sunnah* dan *Ijtihād*. Hal ini berbeza dengan pandangan sebahagian ulama lain yang menyatakan sumber hukum dalam Islam ialah; *al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *Ijmā'* dan *Qiyās*. Azhar Basyir mengatakan jika di dalam *al-Qur'an*, *al-Sunnah* tidak didapati ketentuan hukum bagi sesuatu perkara, maka jalan lain yang boleh ditempuh ialah melalui *ijtihād*. Hal ini juga sebagaimana *hadīth* Rasul SAW. ketika beliau mengutus Mu'ādh bin Jabal ke Yaman.⁸

Azhar Basyir juga mengatakan *ijtihād* dapat dilakukan bagi hal-hal yang tidak didapati dalam *nas* ataupun bagi hal-hal yang sudah didapati dalam *nas*. *Ijtihād* ke atas hukum yang sudah ada didalam *nas* samaada dengan cara mencari latar belakang ‘illah (sebab) hukum, memahami *maqāṣid al-shari‘ah* dengan mengikuti *maṣlaḥah* ataupun dengan cara men-*tarjīh*-kan salah satu dalil yang dianggap lebih *rājiḥ* jika berlaku *ta‘āruḍ*.⁹

⁶ Putusan Muktamar Tarjih, tahun 1995 tentang masalah lima. Lihat PP. Muhammadiyah Majlis Tarjih, *Himpunan Putusan Majlis Tarjih*, (Yogyakarta, Suara Muhammadiyah, 2011), 278.

⁷ Ahmad Azhar Basyir (1928-1995), Ketua Pimpinan Pusat Muhammadiyah periode (1990-1995). Lihat Tim Penyusun, “Ahmad Azhar Basyir,” dalam *Ensiklopedi Muhammadiyah*, (Jakarta, Raja Grafindo, 2005), 53.

⁸ Ahmad Azhar Basyir, “Pokok Pokok Persoalan Filsafat Hukum Islam”, dalam *Ijtihad Dalam Sorotan*, ed. Jalaluddin Rahmad (Bandung, Percetakan Mizan, 1994), 46.

⁹ Ahmad Azhar Basyir, “Pokok Pokok Ijtihad Dalam Hukum Islam”, dalam *Ijtihad Dalam Sorotan*, ed. Jalaluddin Rahmad, (Bandung, Percetakan Mizan, 1994), 54.

Melihat kepada pelbagai perjelasan tersebut, nampaknya ada beberapa perbezaan yang didapati antara *Manhāj* ulama silam dan *Manhāj Tarjīh* Muhammadiyah, semisal:¹⁰

1. Sumber hukum di dalam *Manhāj Tarjīh* Muhammadiyah ialah *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, manakala *Ijmā'* dan *Qiyās* merupakan alat atau metode untuk menghasilkan sebuah hukum. Hal ini berbeza dengan pemahaman ulama terdahulu yang menyatakan bahawa sumber hukum di dalam Islam ada 4 (empat); *al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *Ijma'* dan *Qiyās*.
2. Dalam ber-*ijtihād* Muhammadiyah tidak mengikat kepada mana-mana mazhab, walaupun pendapat mazhab merupakan pedoman atau landasan awal untuk mengkaji sesuatu masalah hukum. Manakala ulama terdahulu pada saat menjalankan sebuah *ijtihād*, orientasi awalnya ialah kepada sesuatu mazhab yang diikutinya secara khas.
3. Muhammadiyah dalam semua *ijtihād* menggunakan sistem *Ijtihād Jamā'iy*.¹¹ Pendapat perseorangan tidak dianggap sebagai hasil daripada putusan *tarjīh*. Hal ini nampak berbeza dengan yang sudah banyak dijalankan oleh ulama silam, mereka melakukan *ijtihād* secara bersendirian, ketika ianya sudah memenuhi kualifikasi sebagai seorang *Mujtahid*.¹²
4. Hasil daripada putusan *tarjīh* belum boleh untuk diamalkan, kecuali selepas mendapat pengesahan (*tanfidh*) daripada pimpinan pertubuhan Muhammadiyah.

¹⁰ Prof. Dr. H. A. Mukti Ali, *Ijtihad dalam pandangan Muhammad Abduh, Ahmad Dahlan dan Muhammad Iqbal*, (Jakarta, Bulan Bintang, 1990), 88.

¹¹ *Qarār al-Mu'tamar al-Majma' al-Buhūth al-Islāmiyyah* di al-Azhar, h. 394, Shawal 1383: Sesungguhnya jalan untuk menjaga kemaslahatan dalam menghadapi perkembangan-perkembangan baharu ialah memilih hukum-hukum mazhab, jika tidak didapati dalam mazhab maka hendaklah dilakukan *ijtihād jamā'iy*. Lihat Dr. Nādiyah Sharīf al-'Umriy, *al-Ijtihād fiy al-Islām*, 264.

¹² *Mujtahid* ialah ulama atau Kumpulan yang menjalankan *Ijtihād*.

Untuk lebih memperjelas perbahasan ini pengkaji akan membahagikannya dalam dua kumpulan yang berbeza. Tulisan ini akan pengkaji buat dalam bentuk jadual bagi Ulama terbabit dan pendapat masing-masing:

Jadual 3.1. Perbezaan pandangan antara Ulama Mazhab dan Ulama Muhammadiyah

No	Ulama Silam	Ulama Muhammadiyah
1.	Sumber hukum Islam yang <i>muttafaq ‘alayh</i> ada 4 (empat); <i>al-Qur'an</i> , <i>al-Sunnah</i> , <i>Ijma'</i> dan <i>Qiyās</i> .	Sumber di dalam Muhammadiyah adalah <i>al-Qur'an</i> dan <i>al-Sunnah</i> , sedangkan <i>Ijmā'</i> dan <i>Qiyās</i> merupakan alat atau metode untuk menghasilkan sebuah hukum.
2.	Ulama silam ketika menjalankan sebuah <i>ijtihād</i> , orientasi awalnya ialah kepada sesuatu mazhab yang diikutinya secara khas.	Dalam ber- <i>ijtihād</i> Muhammadiyah tidak mengikat kepada mana-mana mazhab, walaupun pendapat mazhab merupakan pedoman/landasan awal untuk mengkaji sesuatu masalah hukum.
3.	Ulama silam melakukan <i>ijtihād</i> secara bersendirian, ketika ianya sudah memenuhi kualifikasi sebagai seorang <i>mujtahid</i> .	Muhammadiyah dalam semua <i>ijtihād</i> menggunakan sistem <i>ijtihād jamā'iyy</i> . Pendapat perseorangan tidak dianggap sebagai hasil daripada putusan <i>tarjīh</i> .
4.	Hasil daripada <i>ijtihād</i> ulama silam boleh diamalkan langsung, jika ianya bersesuaian dengan dalil-dalil yang muktabar.	Hasil daripada putusan <i>tarjīh</i> belum boleh untuk diamalkan, kecuali selepas mendapat pengesahan (<i>tanfidh</i>) daripada pimpinan pertubuhan Muhammadiyah.

Inilah konteks zaman yang sentiasa berubah, Muhammadiyah mengikuti perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Meskipun demikian, Muhammadiyah tidak mengetepikan kaedah-kaedah Islam, melainkan mestilah difahami bersesuaian dengan perubahan masa dan juga kemaslahatan umat. *Majlis Tarjīh* sebagai divisi yang ditugaskan oleh Muhammadiyah, selama ini menjalankan *ijtihād* melalui tiga cara:¹³

¹³ (Pokok-pokok *Manhāj Majlis Tarjīh*; 17), lihat juga Afifi Fauzi Abbas, “Qā'idah Uṣūliyyah: Usul Fiqh”, Suara Muhammadiyah, Julai 2008, 34. No. 13, Cahaya Timur Offset, Yogyakarta.

1. *Ijtihād Bayāniy*, iaitu *ijtihād* terhadap *naṣ* yang *mujmal*, samaada kerana belum jelas makna lafaz yang dimaksud, ataupun karena lafaz itu mengandungi dua makna, mengandungi arti *mushtarak*, ataupun kerana pengertian lafaz dalam penafsirannya mempunyai erti *mutashābih* ataupun adanya beberapa dalil yang bercanggah (*ta’āruḍ*). Dalam hal terakhir digunakan *ijtihād tarjīḥ*.
2. *Ijtihād qiyāsiy*, iaitu membawa hukum yang telah ada *naṣ*-nya kepada masalah baru yang belum ada hukumnya berdasarkan *naṣ* kerana adanya kesamaan ‘*illah*’.
3. *Ijtihād istiṣlāhiy*, iaitu *ijtihād* terhadap masalah yang tidak ditunjuki *naṣ* langsung secara khas, ataupun tidak adanya *naṣ* mengenai masalah yang sama dengannya. Dalam masalah yang demikian, penetapan hukum dilakukan berdasarkan ‘*illah*’ untuk kemaslahatan.

Sebahagian ulama kontemporeri¹⁴ menetapkan beberapa syarat yang mesti dipenuhi bagi terwujud *Ijtihād Jamā’iy* secara baik oleh semua pakar yang mengetahui pelbagai bidang:

1. Pengetahuan terhadap logika Bahasa *al-Qur'an*. Hal ini menjadi sangat penting, kerana bahasa *al-Qur'an* yang terdiri dari Bahasa Arab yang memiliki *uslūb* dan ciri yang unik, sehingga menjadi penting memiliki bekal ilmu alat bagi bahasa tersebut, termasuk pemahaman terhadap Ilmu *Balāghah* untuk memahami *al-Qur'an*.
2. Pengetahuan tentang Ilmu *hadīth*, hal ini sangat penting, kerana kajian ke atas *hadīth* mesti diasaskan pada 2 (dua) hal iaitu: menentukan keotentikan *hadīth* berkenaan, sehingga kajian tersebut meliputi kesahan *sanad hadīth* (kajian *rijāl*, *jarḥ wa al-ta'dīl*, *taṣḥīḥ*, *tad'īf* dan lainnya); memahami *dalālah hadīth*, untuk

¹⁴ Prof. Drs. Asjmuni Abdurrahman, “Usul Fiqh dalam Arti Luas: Usul Fiqh”, Suara Muhammadiyah, November 2008, 34. No. 22, Cahaya Timur Offset, Yogyakarta.

kajian *hadīth* tersebut diperlukan pengetahuan tentang Ilmu *dirāyah hadīth*, pengetahuan tentang *nāsikh mansūkh* dan *asbāb al-wurūd* dari *hadīth* tersebut.

3. Pengetahuan tentang Ilmu usul fiqh, kerana Usul fiqh merupakan ilmu terhadap kaedah dan dasar-dasar utama yang akan menghantarkan kepada pemahaman yang dimaksud oleh Allah SWT. dalam teks wahyu-Nya, baik hukum atau *maqāṣid*-nya.
4. Pengetahuan tentang *Maqāṣid al-Shari‘ah*, iaitu kemampuan untuk memahami erti, matlamat, hikmah dan sasaran samaada secara am ataupun khas dari ketetapan *shar‘iy* tersebut.
5. Pengetahuan tentang *Fiqh al-Khilāf*, mencakupi dasar-dasar dan metode *istinbāt* dan *istidlāl*.
6. Pengetahuan tentang Ilmu Sosial dan kemanusiaan kontemporeri, yakni pemahaman terhadap studi sosial dan kemanusiaan (psikologi, sosiologi, politik ekonomi dan lainnya) atau dalam Bahasa Arabnya disebut ‘*Ilmu al-Wāqi’*.

3.2. Pokok-Pokok *Manhāj Tarjīh* Muhammadiyah

Pokok-Pokok *Manhāj Tarjīh* Muhammadiyah ialah merupakan panduan bagi Pertubuhan Muhammadiyah dalam menjalankan tugasnya sebagai pemberi solusi bagi sebarang kes yang berhubungkait dengan hukum agama Islam. Pokok-Pokok *Manhāj Tarjīh* ini walaupun sudah disenaraikan oleh Muhammadiyah, akan tetapi nampaknya masih sangat ringkas dan belum merangkumi seluruh kaedah yang sudah pernah dikuatkuasakan oleh ulama-ulama terdahulu. Namun demikian Muhammadiyah tetap mencuba untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang muncul di kalangan umat Islam

dengan melihat kepada pelbagai kaedah yang sedia ada, dan jika tidak didapati di dalam Pokok-pokok *Manhāj Tarjīh* yang mereka miliki.

Ada beberapa prosedur yang digunakan oleh Muhammadiyah dalam ber-*ijtihād* seumpama sumber hukum utama adalah *al-Qur'an* dan *al-Sunnah al-Ṣaḥīḥah*, ber-*ijtihād* dengan sistem *ijtihād jamā'iyy*, tidak mengikat diri kepada suatu mazhab, tidak beranggapan hanya keputusan *Majlis Tarjīh* yang paling benar, kritik dari siapapun akan diterima. Mengenai *'Aqīdah*, hanya mengambil dalil-dalil yang *mutawātir*, serta tidak menolak *ijmā' sahābah*. Dalil-dalil yang ber-*ta'āruḍ* digunakan cara: *al-Jam'u wa al-Tawfiq*, kalau tidak memungkinkan, dilakukan *tarjīh*. *Saddu al-dharā'i* untuk mengelakkan berlakunya *fitnah* dan *mafsadah*.

Di hadapan ini ialah petikan Pokok-Pokok *Manhāj Tarjīh* Muhammadiyah dimaksud:

“POKOK-POKOK MANHĀJ MAJLIS TARJĪH YANG TELAH DILAKUKAN DALAM MENETAPKAN KEPUTUSAN¹⁵”

1. Didalam ber-*istidlāl*, dasar utama adalah *al-Qur'an* dan *al-Sunnah al-Ṣaḥīḥah*. *Ijtihād* dan *istinbāṭ* atas dasar *'illah* (sebab) terhadap hal-hal yang tidak terdapat di dalam *naṣ* dapat dilakukan, selama tidak menyangkut bidang *ta'abbudiy*, dan memang merupakan hal yang dihajatkan dalam memenuhi keperluan hidup manusia. Dengan perkataan lain, Majlis Tarjih menerima *ijtihād*, temasuk *qiyās* sebagai cara dalam menetapkan hukum yang tidak ada *naṣ*-nya secara langsung.

¹⁵ Lihat Pokok-pokok Manhaj Majlis Tarjih Yang Telah Dilakukan Dalam Menetapkan Keputusan dalam PP. Muhammadiyah Majlis Tarjih, *Buku Panduan Muktamar Tarjih Muhammadiyah XXII*, (Malang, t.p., 1989), 23.

2. Dalam memutuskan sesuatu keputusan dilakukan dengan cara musyawarah. Dalam masalah *ijtihād* digunakan sistem *ijtihād jamā'iy*. Dengan demikian pendapat perorangan dari anggota majlis tidak dapat dipandang sebagai pendapat majlis.
3. Tidak mengikat diri kepada suatu mazhab, tetapi pendapat Imam Mazhab dapat menjadi bahan pertimbangan dalam menetapkan hukum, selama sesuai dengan jiwa *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* atau dasar-dasar lain yang dipandang kuat.
4. Berprinsip terbuka dan toleran (bertolak ansur), dan tidak beranggapan bahwa hanya keputusan Majlis Tarjih yang paling benar. Keputusan diambil atas dasar landasan dalil-dalil yang dipandang paling kuat yang didapat ketika putusan diambil. Dan koreksi dari siapapun akan diterima, selama diberikan dalil-dalil lain yang lebih kuat. Dengan demikian Majlis Tarjih dimungkinkan merubah keputusan yang pernah ditetapkan.
5. Didalam masalah '*Aqīdah/tauhīd*, hanya dipergunakan dalil-dalil yang *mutawātir*.
6. Tidak menolak *Ijma'* sahabat, sebagai dasar keputusan.
7. Terhadap dalil-dalil yang nampak mengandungi *ta'āruḍ* digunakan cara: *al-Jam'u wa al-Tawfiq* dan kalau tidak dapat baru dilakukan *tarjīh*.
8. Menggunakan konsep *Saddu al-dharā'i*' untuk mengelakkan berlakunya *fitnah* dan *mafṣadah*.
9. Men-*ta'lil* dapat digunakan untuk memahami kandungan dalil-dalil *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* selama bersesuaian dengan *shari'ah*. Adapun kaedah: *al-hukmu yadūru ma'a al-'illati wujūdan wa 'adaman*, dalam hal-hal tertentu dapat gunapakaikan.
10. Penggunaan dalil-dalil untuk menetapkan sesuatu hukum dilakukan dengan cara komprehensif, utuh dan bulat, tidak terpisah.
11. Dalil-dalil '*ām al-Qur'an* dapat di-*takhṣīs* dengan *hadīth aḥad*, kecuali dalam bidang '*aqīdah*.

12. Dalam mengamalkan agama Islam menggunakan prinsip *al-taysir*.
13. Dalam bidang ibadah yang didapati ketentuan-ketentuannya dari *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, pemahamannya dapat dengan menggunakan akal selama diketahui latar belakang (*sabab al-wurūd*) dan matlamatnya, meskipun mesti diakui bahawa akal bersifat nisbi, sehingga prinsip mendahulukan *naṣ* daripada akal memiliki kelenturan dalam menghadapi perubahan situasi dan kondisi.
14. Dalam hal-hal yang termasuk *al-umūr al-dunyāwiyyah* yang tidak termasuk tugas para Nabi, penggunaan akal sangat diperlukan demi untuk tercapainya kemaslahatan umat.
15. Untuk memahami *naṣ* yang *mushtarak*, pemahaman sahabat dapat diterima.
16. Dalam memahami *naṣ*, makna *zāhir* lebih didahulukan daripada *ta'wil* dalam bidang *'aqidah*. Dan *ta'wil* sahabat dalam hal ini tidak mesti diterima.
17. Jalan ijтиhad yang telah ditempuh meliputi:
 - a. *Ijtihād Bayāniy*, iaitu *ijtihād naṣ* yang *mujmal*, samaada kerana belum jelas lafaz yang dimaksud, ataupun kerana lafaz itu mengandungi makna ganda, mengandungi erti *mushtarak*, ataupun kerana pengertian lafaz dalam ungkapan yang konteksnya mempunyai erti yang *mutashābih*, ataupun adanya beberapa dalil yang bercanggah (*ta'āruḍ*). Dalam hal yang terakhir digunakan jalan *ijtihād* dengan jalan *tarjīh*.
 - b. *Ijtihād Qiyāsiy*, iaitu menerapkan hukum yang telah ada *naṣ*-nya kepada perkara baru yang belum ada hukumnya berdasarkan kepada *naṣ*, kerana adanya kesamaan *'illah*.
 - c. *Ijtihād Istislahiy*, iaitu *ijtihād* terhadap perkara yang tidak ditunjuki langsung oleh *naṣ* secara *khāṣ*, ataupun tidak ada *naṣ* mengenai masalah yang ada

kesamaannya. Dalam masalah demikian penetapan hukum dilakukan berdasarkan ‘illah untuk kemaslahatan.

18. Dalam menggunakan *hadīth*, terdapat beberapa kaedah yang telah menjadi keputusan Majlis Tarjih sebagai berikut:

- a. *Hadīth mauqūf* tidak dapat dijadikan *hujjah*. Yang dimaksud dengan *hadīth mauqūf* ialah apa yang telah disandarkan kepada sahabat baik ucapan maupun perbuatan dan yang semacamnya, baik bersambung atau tidak.
- b. *Hadīth mauqūf* yang dihukum *marfū'* dapat menjadi *hujjah*. *Hadīth mauqūf* di hukum *marfū'* apabila ada *qarīnah* yang dapat dipahami daripadanya bahawa *hadīth* itu *marfū'*.
- c. *Hadīth mursal sahābiy* dapat dijadikan *hujjah* apabila ada *qarīnah* yang menunjukkan persambungan *sanad*-nya.
- d. *Hadīth mursal tābi'iyy* semata, tidak dapat dijadikan *hujjah*. *Hadīth* ini dapat dijadikan *hujjah* jika ada *qarīnah* yang menunjukkan persambungan *sanad* sampai kepada Nabi SAW.
- e. *Hadīth-hadīth da'iif* yang kuat menguatkan, tidak dapat dijadikan *hujjah*, kecuali jika banyak jalan periyatannya, ada *qarīnah* yang dapat dijadikan *hujjah* dan tidak bertentangan dengan *al-Qur'an* dan *hadīth sahīh*.
- f. Dalam menilai perawi *hadīth*, *jarḥ* didahulukan daripada *ta'dīl* setelah adanya keterangan yang *mu'tabar* berdasarkan alasan *shara'*.
- g. Periwayatan orang yang dikenal melakukan *tadlīs* dapat diterima riwayatnya, jika ada petunjuk bahawa *hadīth* itu *muttaṣil*, sedangkan *tadlīs* tidak mengurangi keadilan.

3.3. *Manhāj Tarjīh Hadīth* Muhammadiyah

Sebelum pengkaji masuk kepada perbahasan tentang *Manhāj Tarjīh Hadīth* secara lebih detail, akan pengkaji jelaskan secara ringkas pengenalan tentang *Majlis Tarjīh*. Pengkaji juga telah menyebutkan *Majlis Tarjīh* ini lebih detail pada Bab I.¹⁶ Pengenalan singkat ini menurut pengkaji penting untuk disentuh, disebabkan ianya merupakan suatu lembaga yang akan mengaplikasikan konsep *istinbāt* hukum dalam pertubuhan Muhammadiyah, samaada kaedah usul fiqh secara am ataupun kaedah *tarjīh hadīth* pada khasnya.

Dalam Pertubuhan Muhammadiyah didapati suatu divisi yang bernama *Majlis Tarjīh*. Dilihat dari namanya *Majlis* dapat diertikan sebagai Dewan. Jadi, *Majlis* atau Dewan *Tarjīh* ialah divisi yang memiliki beberapa orang ahli yang pakar dalam bidang keilmuan Islam. *Majlis* inilah yang ditugaskan untuk mengkaji tentang permasalahan hukum yang muncul di kalangan umat Islam, samaada ianya telah dikaji oleh ulama-ulama terdahulu tetapi masih menghendaki kepada kajian lanjutan ataupun masalah-masalah kontemporeri yang muncul baru-baru ini.

Majlis ini dibentuk dalam pertubuhan Muhammadiyah bermula dari idea KH. Mas Mansur (1896-1984) yang ketika itu sebagai konsul Muhammadiyah Surabaya. Idea ini disampaikan pada kongres Muhammadiyah ke-16,¹⁷ agar dibentuk semacam Majlis Ulama yang bertugas membahas masalah-masalah agama.

Majlis inilah yang kemudian bekerja dan menjalankan tugasnya dalam menerima, menyelidiki, membahas, men-*tarjīh*-kan dan menetapkan hal-hal yang berkaitan dengan pemikiran Islam. *Majlis* ini berpedoman kepada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* serta panduan

¹⁶ Lihat Bab I, 1.2. Sejarah ditubuhkannya *Majlis Tarjīh* Muhammadiyah, 54.

¹⁷ Kongres 1927 di Pekalongan, Pengetua Am Muhammadiyah pada masa itu KH. Ibrahim.

yang telah ditetapkan oleh *Majlis Tarjīh* itu sendiri. Jika ada hal yang belum ditetapkan oleh *Majlis Tarjīh* maka rujukannya kembali kepada Ilmu Usul Fiqh yang telah diasaskan oleh ulama-ulama terdahulu.¹⁸ Sama halnya dalam men-*tarjīh*-kan *hadīth-hadīth* yang digunapakaikan sebagai dalil hukum jika nampak ber-*ta’āruḍ*.

Selanjutnya pengkaji akan menjelaskan *Manhāj Tarjīh Hadīth* yang digunapakaikan oleh Muhammadiyah. *Manhāj Tarjīh Hadīth* bererti pedoman dalam men-*tarjīh*-kan *hadīth* jika ianya nampak ber-*ta’āruḍ* yang digunapakaikan oleh ulama-ulama Muhammadiyah. *Manhāj Tarjīh* secara harfiah bererti cara melakukan *tarjīh*. Manakala *tarjīh* itu pula bermaksud menguatkan salah satu daripada dua dalil yang bercanggah, sepetimana yang telahpun pengkaji sebut pada penjelasan di awal Bab II. *Manhāj Tarjīh* yang diikuti oleh Muhammadiyah ialah *Manhāj Tarjīh Uṣūliyyin*, walaupun Muhammadiyah tidak mengetepikan kaedah-kaedah yang menjadi pegangan *Muhaddithin*.

Di dalam *Majlis Tarjīh* Muhammadiyah, *Manhāj Tarjīh* lebih dari sekedar “cara men-*tarjīh*-kan”, yang bererti melakukan penilaian ke atas dalil-dalil yang nampak bercanggah bagi menentukan mana yang lebih diutamankan. Atau juga diertikan sebagai evaluasi ke atas pelbagai pendapat fikih yang sudah ada mengenai suatu masalah untuk menentukan mana yang lebih bersesuai dengan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* dan lebih dekat kepada maslahat.

Penulisan tentang *Manhāj Tarjīh Hadīth* di kalangan Muhammadiyah, pengkaji akan merujuk kepada Buku-buku Utama yang menjadi Panduan Asas Muhammadiyah dan juga referensi lain yang ditulis oleh Pimpinan atau Ahli Muhammadiyah serta Majalah yang berotoriti seumpama Suara Muhammadiyah dan lain sebagainya.

¹⁸ HM. Djuwaini, *Uraian Mengenai Ketarjihan*, (Jakarta, PP. Muhammadiyah Majlis PPk, 1985), 7.

Menurut pendapat Muhammadiyah ada beberapa langkah yang mesti dijalankan dalam menyelesaikan permasalah *nas* yang nampak ber-*ta'āruḍ* ataupun mempunyai pemahaman yang berbeza antara satu dalil dengan lainnya, secara ringkas boleh dilihat pada carta seperti berikut ini;

Cara-cara Muhammadiyah menyelesaikan permasalah *nas* yang nampak ber-*ta'āruḍ*

1. *Al-jam'u wa al-tawfiq*

- *Nāsikh* dan *mansūkh*
- *Tarjīh*

2. *Tarjīh*

- *Al-Jarḥ wa al-ta'dīl*
- Riwayat *al-tadlīs* diterima jika bersambung *sanad* dan *tadlīs*-nya tidak tercela
- Dalam *lafaz mushtarak*, pemahaman sahabat boleh diterima

3. *Tawaqquf*

Dan untuk memperjelas hal berkenaan berikut ini akan pengkaji buat juga dalam bentuk ulasan secara detail. Hal ini penting, mengingat cara-cara di atas ialah bersifat berangsur-angsur. Iaitu langkah pertama dijalankan, kemudian jika ianya tidak berhasil maka dilanjutkan kepada langkah kedua dan demikian juga berikutnya. Cara-cara tersebut ialah:

- a. *Al-jam'u wa al-tawfiq*, ertinya “menghimpunkan atau mengubahsuai dua dalil yang saling bercanggah dengan suatu cara yang dapat menghilangkan percanggahan berkenaan”.¹⁹ Dengan kata lain *Majlis Tarjīh* Muhammadiyah berusaha untuk menghilangkan pertikaian di antara dalil-dalil yang ada dengan merujuk kepada *al-Qur'an* (4:82),²⁰ *Majlis Tarjīh* Muhammadiyah menekankan agar memahami *al-Qur'an* itu secara komperhensif. Dalam menghadapi dalil-dalil yang nampak *ta'āruḍ* (bercanggah) mesti dilakukan *al-jam'u wa al-tawfiq*, dan jika tidak dapat barulah ditempuh *nāsikh* dan *mansūkh*.²¹ Dan kalau *nāsikh* dan *mansūkh*-pun tidak dapat baru dilakukan *tarjīh*.
- b. *Tarjīh*. Hal ini dilakukan pada masalah yang mempunyai dua dalil atau lebih manakala dalil-dalil yang ber-*ta'āruḍ* itu berbeza tingkatan. Dalam hal ini *Majlis Tarjīh* memutuskan ketentuan-ketentuan seperti berikut;
1. *Jarḥ* (cela) itu didahulukan dari *ta'dīl* (memandang adil, tidak tercela) selepas keterangan yang jelas dan sah (didapati) menurut pertimbangan *shara'*.²²
 2. Riwayat orang yang telah terkenal suka melakukan *tadlīs* dapat diterima jika ia menerangkan bahawa apa yang ia riwayatkan itu bersambung *sanad* sedang *tadlīs*-nya itu tidak sampai tercela, (mengurangi keadilan).

¹⁹ Dr. Muhammad Wafā', *Ta'āruḍ al-Adillah al-Shar'iyyah min al-Kitāb wa al-Sunnah wa al-Tarjīh Bainahā; Metode Tarjih atas kontradiksi Dalil-dalil Syara'*, terj. Muslich, S.Ag, (Jakarta Timur, Penerbit Al-Izzah, 2001), 126.

²⁰ أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوْجِدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا (النساء : 82)

Yang bermaksud: “maka apakah mereka tidak memperhatikan *al-Qur'an* itu? Kalaulah kiranya *al-Qur'an* itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapat percanggahan yang banyak didalamnya”. Ayat tersebut di atas dikemukakan oleh Majlis Tarjih dalam menjawab soalan tentang permasalahan *ta'āruḍ al-adillah* pada Fatwa Agama yang diasuh oleh Tim PP. Muhammadiyah Majlis Tarjih. Lihat Tim PP. Muhammadiyah, “Fatwa Agama”, Majalah Suara Muhammadiyah, Agustus 1991, 23. No. 16 th ke 76.

²¹ *Nāsikh* ialah materi-materi hukum yang tetap digunakan, dan *mansūkh* ialah materi hukum yang telah dicabut, diubah atau tidak digunakan lagi.

²² *Jarḥ* yang dikemukakan ke atas perawi mestilah mengikuti syarat-syarat berikut, iaitu; *pertama*, ulama yang menyebutkan *Jarḥ* mesti betul-betul mengetahui hal ehwal perawi, *kedua*, celaan yang dinyatakan itu mesti disertai dengan bukti nyata. Lihat, M. Syuhudi Ismail, *Metodologi Penelitian Hadis Nabi*, (Jakarta, Bulan Bintang, 1992), 182.

3. Dalam memahami dalil yang memiliki *lafaz mushtarak*,²³ pemahaman sahabat boleh diterima.²⁴ Sepertimana *lafaz ‘ainun*, dapat bererti mata, contohnya: ‘ainu rajulin (mata seseorang), dan dapat bererti benda atau barang, contohnya: ‘ain al-najāsah (benda bernajis). Perkataan *quru’* dalam masalah ‘iddah yang dapat diertikan *haid* dan dapat diertikan suci. Demikian juga *al-ab* (ayah/kakek) dalam masalah *mīrāth*.

c. *Tawaqquf*, iaitu membekukan/menghentikan perbahasan kerana tidak didapati keputusan melalui pengkajian dari *naṣ-naṣ* yang nampak bercanggah. Contohnya: qunut pada salat witir. Kerana *hadīth* yang dijadikan dalil, dipertikaikan oleh para ulama *hadīth*, maka dikehendaki adanya penelitian lanjutan kepada asal perbezaan ahli-ahli *hadīth*. Oleh kerana itu Muktamar Muhammadiyah memutuskan *tawaqquf* pada ketika itu untuk mengkaji pada masa yang lain.²⁵

Tinjauan berikutnya ialah kepada *hadīth* secara khas, Muhammadiyah berpandangan bahawa *hadīth* yang akan dijadikan sebagai dalil mestilah dilihat kepada beberapa aspek, bagi menentukan apakah ianya berkelayakan untuk dijadikan sebagai dalil hukum, atau pula ada dalil lain yang tidak boleh diketepikan dan ianya nampak lebih kuat, aspek berkenaan ialah dengan cara:²⁶

²³ *Lafaz mushtarak* ialah perkataan yang mengandungi dua makna ataupun lebih.

²⁴ Demikian disebutkan dalam Pokok-pokok *Manhaj Majlis Tarjih*, point 15.

²⁵ PP. Muhammadiyah, *Himpunan Putusan Majlis Tarjih*, 369.

²⁶ Prof. Drs. H. Asjmuni Abdurrahman, *Manhaj Tarjih Muhammadiyah; Metodologi dan Aplikasi*, (Yogyakarta, Pustaka Pelajar, 2010), 144; Prof. Dr. Mukhtar Yahya, Prof. Drs. Fatchur Rahman, *Dasar-dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islam*, (Bandung, PT. Al-Ma’arif, 1986), 470.

1. Melihat kepada *sanad*, meliputi *hadīth saḥīḥ* dan *hadīth hasan*.²⁷
2. Melihat kepada *matan hadīth*.²⁸

Begitu pula berkaitan dengan kaedah penggunaan *hadīth*, *Majlis Tarjīh* Muhammadiyah telahpun membuatnya. Walaupun nampak sangat sederhana dan ringkas tetapi itu juga menjadi sebuah pedoman awal bagi *Majlis Tarjīh*. Hal-hal yang belum disebutkan dalam kaedah berkenaan, akan merujuk kepada kaedah am ulama-ulama terdahulu. Kaedah ini merupakan bahagian daripada Pokok-pokok *Manhāj Majlis Tarjīh*, sepetimana yang telah pengkaji sebut pada Sub Bab sebelum ini, kaedah dimaksud ialah:²⁹

- a. *Hadīth mauqūf* tidak dapat dijadikan *hujjah*. Yang dimaksud dengan *hadīth mauqūf* ialah apa yang telah disandarkan kepada sahabat baik ucapan maupun perbuatan dan yang semacamnya, baik bersambung atau tidak.
- b. *Hadīth mauqūf* yang dihukum *marfū'*³⁰ dapat menjadi *hujjah*. *Hadīth mauqūf* di hukum *marfū'* apabila ada *qarīnah* yang dapat dipahami daripadanya bahawa *hadīth* itu *marfū'*.
- c. *Hadīth mursal saḥābiy*³¹ dapat dijadikan *hujjah* apabila ada *qarīnah* yang menunjukkan persambungan *sanad*-nya.

²⁷ *Hadīth saḥīḥ* ialah *hadīth* yang *sanad*-nya bersambung dari pertama sampai periyawatan yang terakhir, disampaikan oleh orang-orang ‘ādil, dābit, serta tidak ada *shādh* dan ‘illah. *Hadīth hasan* ialah *hadīth* yang *sanad*-nya bersambung dari pertama sampai periyawatan yang terakhir, disampaikan oleh orang-orang ‘ādil, kurang dābit, serta tidak ada *shādh* dan ‘illah. Lihat Shaikh Mannā’ al-Qattān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Hadīh; Pengantar Studi Ilmu Hadith*, terj. Mifdhol Abdurrahman, Lc, (Jakarta, Pustaka Al-Kautsar, 2006), 117-121.

²⁸ Dr. Yūsuf al-Qardāwiyy mengatakan diterimanya *hadīth* mengikut kepada matan mestilah melalui pelbagai penelitian, iaitu; *pertama*, Tidak bercanggah dengan *al-Qur'an*, *kedua*, Dibuat suatu dapatan selepas dihimpunkan satu *hadīth* dengan *hadīth* lain yang sama dalam satu tema, *ketiga*, menghimpun satu dengan yang lain jika nampak ber-*ta'āruḍ* dan mengambil yang *rājiḥ* apabila dilakukan *tarjīh*. Serta *nāsikh* apabilla dilakukan *nāsikh mansūkh*, *keempat*, Pemahaman *hadīth* dengan melihat kepada latar belakangnya, situasi dan kondisinya ketika diucapkan, serta tujuannya.

²⁹ Pokok-pokok *Manhāj Majlis Tarjīh*; 18, lihat Prof. Drs. H. Asjmuni Abdurrahman, *Manhāj Tarjīh Muhammadiyah*, 23.

³⁰ *Hadīth marfu'* ialah ucapan, pekerjaan, ketetapan atau sifat yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW. secara khas. Lihat, Dr. Nūr al-Dīn 'Itr, *Manhāj al-Naqd fī 'Ulūm al-Hadīh*, terj, Drs. Mujiyo, (Bandung, PT Remaja Rosdakarya, 1994), 2:99.

- d. *Hadīth mursal tābi'iyy*³² semata, tidak dapat dijadikan *hujjah*. *Hadīth* ini dapat dijadikan *hujjah* jika ada *qarīnah* yang menunjukkan persambungan *sanad* sampai kepada Nabi SAW.
- e. *Hadīth-hadīth qāḍīyah*³³ yang kuat menguatkan, tidak dapat dijadikan *hujjah*, kecuali jika banyak jalan periyatannya, ada *qarīnah* yang dapat dijadikan *hujjah* dan tidak bertentangan dengan *al-Qur'an* dan *hadīth saḥīh*.
- f. Dalam menilai perawi *hadīth*, *jarḥ* didahului daripada *ta'dīl* setelah adanya keterangan yang *mu'tabar* berdasarkan alasan *shara'*.
- g. Periwayatan orang yang dikenal melakukan *tadlīs*³⁴ dapat diterima riwayatnya, jika ada petunjuk bahawa *hadīth* itu *muttaṣil*, sedangkan *tadlīs* tidak mengurangi keadilan.

³¹ Sesuatu yang di-*iqāfah*-kan oleh sahabat kepada Rasul SAW. berupa *qaūliy/fi'līy/taqrīriy*. Lihat Shaikh Ṣalāḥ Muhammad Muhammād 'Uwaydah, *Fath al-Mughīth: Sharḥ Alfiyyah al-Hadīth*, (Beirut, Lubnan, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 69.

³² Sesuatu yang di-*rafa'*-kan oleh *tābi'iñ* (*kibār al-tābi'iñ* seperti Sa'id bin Musayyab atau *sighār al-tābi'iñ* seperti al-Dhuhrīy) kepada Nabi SAW. Lihat Shaikh Ṣalāḥ Muhammad Muhammād 'Uwaydah, *Fath al-Mughīth*, 80.

³³ *Hadīth qāḍīyah* ialah *hadīth* yang kehilangan salah satu syaratnya sebagai *hadīth maqbūl* (yang dapat diterima), lihat, Dr. Nūr al-Dīn 'Itr, *Manhāj al-Naqd*, Terj. Drs. Mujiyo, 2:51.

³⁴ *Tadlīs* ialah menggugurkan nama *sheikh*-nya lalu naik ke peringkat di atas *sheikh*-nya atau seterusnya. Kemudian di-*isnād*-kan ke atas dirinya secara langsung dengan lafadz yang tidak menunjuki kepada *ittiṣāl*, melainkan dengan lafadz yang samar-samar seperti (dari *fulān* atau sesungguhnya *fulān*) dan bukan dengan kalimat *sam'i tu* atau *haddathānā*. Lihat Shaikh Ṣalāḥ Muhammad Muhammād 'Uwaydah, *Fath al-Mughīth*, 93.

3.4. Perbandingan *Manhāj Tarjīh* Ulama silam dan Muhammadiyah

Pada Sub Bab ini pengkaji akan membuat perbandingan antara *Manhāj Tarjīh Hadīth* yang pernah digunakan oleh ulama-ulama silam dan juga *Manhāj Tarjīh Hadīth* yang ada di dalam Muhammadiyah. *Manhāj tarjīh* ini akan menjadi suatu standard bagi pengkaji untuk menilai kepada fatwa-fatwa atau Hasil Putusan Tarjih Muhammadiyah. Langkah pertama yang akan dinilai dari sudut apakah ianya bersesuaian dengan *Manhāj tarjīh* ulama silam atau tidak. Langkah kedua penilaian dari sudut aplikasi, selepas didapatkan kebersesuainnya dengan kaedah-kaedah ulama silam dalam mereka memutuskan fatwa.

Untuk lebih jelasnya di hadapan ini akan pengkaji nyatakan perbandingan *Manhāj* berkenaan;

Jadual 3.2. *Manhāj Tarjīh* Ulama silam

No	<i>Manhāj Tarjīh</i> Ulama Silam
1.	Pen-tarjīh-an dari sudut perawi
	<p>1.1. Pelbagai Pen-tarjīh-an menurut hal perawi</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pen-tarjīh-an disebabkan perawinya lebih tua b. Pen-tarjīh-an kerana perawi ialah seorang <i>faqīh</i> c. Pen-tarjīh-an kerana perawi adalah dekat dengan Rasul SAW d. Pen-tarjīh-an kerana kisah <i>hadīth</i> berhubungkait dengan perawi e. Pen-tarjīh-an kerana perawi lambat masuk Islam f. Pen-tarjīh-an kerana perawi lebih tua, lebih awal masuk Islam dan lebih banyak ber-<i>mulāzamah</i> bersama Rasul SAW g. Pen-tarjīh-an kerana perawi berpegang kepada hafazan bukan kepada kitab h. Pen-tarjīh-an kerana disepakati ‘<i>adālah</i> perawi i. Pen-tarjīh-an kerana perawi mendengar dari pada syaikh negerinya j. Pen-tarjīh-an kerana tidak ada kesilapan tentang nama perawi <p>1.2. Pelbagai Pen-tarjīh-an mengikut kekuatan dan kelemahan <i>sanad</i></p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pen-tarjīh-an disebabkan banyaknya jumlah perawi b. Pen-tarjīh-an <i>hadīth mutawātir</i> ke atas <i>hadīth</i> yang lain dan <i>hadīth mashhūr</i> ke atas <i>hadīth aḥad</i> c. Pen-tarjīh-an <i>hadīth musnad</i> ke atas <i>hadīth mursal</i> d. Pen-tarjīh-an kerana <i>sanad ‘āliy</i>
2.	Pen-tarjīh-an Dari Sudut Matan Hadīth
	<ul style="list-style-type: none"> a. Pen-tarjīh-an kerana <i>hadīth</i> bekenaan <i>mantūq</i> b. Pen-tarjīh-an kerana <i>hadīth</i> berkenaan selamat dari pada <i>idṭirāb</i> c. Pen-tarjīh-an kerana <i>hadīth</i> berkenaan diriwayatkan dengan <i>lafaz</i> bukan dengan makna d. Pen-tarjīh-an disebabkan <i>lafaz</i> yang <i>muakkad</i> e. Pen-tarjīh-an larangan ke atas amaran f. Pen-tarjīh-an disebabkan <i>lafaz mustaqil</i> g. Pen-tarjīh-an <i>hadīth qauliy</i> dari pada <i>fi’liy</i> ataupun <i>taqrīriy</i>
3.	Pen-tarjīh-an Disebabkan Lain-lain Faktor
	<ul style="list-style-type: none"> a. Pen-tarjīh-an dengan cara mengamalkannya b. Pen-tarjīh-an dengan sebab bersesuaian salah satu <i>khabar qadīyyah sahābah</i> (fatwa dan amalan sahabat) c. Pen-tarjīh-an disebabkan bersesuaian dengan kitab d. Pen-tarjīh-an <i>bi ishtimāl al-hadīth ‘ala al-ziyādah</i> e. Pen-tarjīh-an dengan masa <i>hadīth</i>

Jadual 3.2. *Manhāj Tarjīh* Muhammadiyah

No	<i>Manhāj Tarjīh</i> Muhammadiyah
	<i>Manhāj</i> Muhammadiyah
1.	<i>Hadīth mauqūf</i> tidak dapat dijadikan <i>hujjah</i> . Yang dimaksud dengan <i>hadīth mauqūf</i> ialah apa yang telah disandarkan kepada sahabat baik ucapan maupun perbuatan dan yang semacamnya, baik bersambung atau tidak.
2.	<i>Hadīth mauqūf</i> yang dihukum <i>marfū'</i> dapat menjadi <i>hujjah</i> . <i>Hadīth mauqūf</i> di hukum <i>marfū'</i> apabila ada <i>qarīnah</i> yang dapat dipahami daripadanya bahawa <i>hadīth</i> itu <i>marfū'</i> .
3.	<i>Hadīth mursal ṣahābiy</i> dapat dijadikan <i>hujjah</i> apabila ada <i>qarīnah</i> yang menunjukkan persambungan <i>sanad</i> -nya.
4.	<i>Hadīth mursal tābi'iyy</i> semata, tidak dapat dijadikan <i>hujjah</i> . <i>Hadīth</i> ini dapat dijadikan <i>hujjah</i> jika ada <i>qarīnah</i> yang menunjukkan persambungan <i>sanad</i> sampai kepada Nabi SAW.
5.	<i>Hadīth-hadīth da'īf</i> yang kuat menguatkan, tidak dapat dijadikan <i>hujjah</i> , kecuali jika banyak jalan periyatannya, ada <i>qarīnah</i> yang dapat dijadikan <i>hujjah</i> dan tidak bertentangan dengan <i>al-Qur'an</i> dan <i>hadīth saḥīh</i> .
6.	Dalam menilai perawi <i>hadīth</i> , <i>jarḥ</i> didahulukan daripada <i>ta'dīl</i> setelah adanya keterangan yang <i>mu'tabar</i> berdasarkan alasan <i>shara'</i> .
7.	Periwayatan orang yang dikenal melakukan <i>tadlīs</i> dapat diterima riwayatnya, jika ada petunjuk bahawa <i>hadīth</i> itu <i>muttaṣil</i> , sedangkan <i>tadlīs</i> tidak mengurangi keadilan.

Daripada pelbagai sudut pen-*tarjīh*-an di atas, nampak bahawa kaedah yang digunakan oleh Muhammadiyah sangatlah ringkas akan tetapi ianya masih tetap selari dengan *manhāj* ulama silam dalam membuat penilaian terhadap sesuatu *hadīth*. Dan menurut pengkaji, *Manhāj* Muhammadiyah tersebut masih perlu kepada penambahbaikan bagi mencapai tahap kesempurnaan. Walaupun demikian, Muhammadiyah dalam membuat keputusan atau mengeluarkan fatwa tidak hanya melihat kepada kaedah tersebut sahaja, melainkan ianya tetap merujuk kepada kaedah-kaedah ulama silam yang sedia ada dan juga mengkaji pelbagai hukum secara komprehensif, samaada dari sudut kemaslahatan atau juga dari sudut kemajuan teknologi dan pelbagai hal lainnya. Meskipun demikian tidak diketepikan bahawa ada hal-hal yang diputuskan oleh Muhammadiyah, belum sepenuhnya dihasilkan daripada aplikasi kaedah berkenaan secara sempurna.

3.5. Aplikasi Ilmu Usul Fiqh di kalangan Muhammadiyah

Berikut ini pengkaji akan cuba menyentuh beberapa contoh aplikasi daripada ilmu usul fiqh yang pernah diterapkan oleh Muhammadiyah dalam penyelesaian masalah hukum. Penerapan berkenan ialah berkaitan dengan;

1. *Al-jam'u wa al-tawfiq.*

Penggunaan konsep *al-jam'u wa al-tawfiq* di sini ialah dengan cara men-*taqyid* sesuatu yang *muṭlaq* (menghadkan pengertian yang luas). Sepertimana *hadīth* daripada Anas bin Malik RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِحْتَجَمَ حَجَّمَهُ أَبُو طَيْبٍ وَأَعْطَاهُ صَاعَيْنِ مِنْ طَعَامٍ

Terjemahan: bahawa Nabi SAW. berbekam, yang melakukannya ialah Abū Tayyibah dan Nabi Muhammad SAW. memberi kepadanya upah dua *sā'* makanan.³⁵

Dan daripada Abu Hurairah RA. berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَا عَنْ كَسْبِ الْحِجَامَ

Terjemahan: bahawa Nabi SAW. melarang bekerja dengan melakukan bekam pada orang lain. (Maksudnya dengan mendapat upah daripada orang yang menyuruh).³⁶

Kedua *hadīth* di atas, di-*jam'u* dan di-*taufiq*-kan. Oleh itu, dapat difahami bahawa *hadīth* tersebut melarang orang menjadikan bekam sebagai suatu kerja tetap dengan mendapat upah, akan tetapi jikalau hanya sesekali diharuskan. Atau mengertikan,

³⁵ *Hadīth* riwayat Muslim, Kitab al-Musāqah, Bab Ḥill Ujrat al-Hijāmah, no. *hadīth* 1577. Lihat al-Qādīy ‘Iyād, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim li al-Qādīy ‘Iyād al-Musammā Ikmāl al-Mu’līm bi Fawāid Muslim*, (Beirut, Lubnān, Dār al-Wafā’, 2004), 5:248.

³⁶ *Hadīth* riwayat Ibnu Mājah, Kitab al-Tijārah, Bab Kasb al-Hajjām, no. *hadīth* 2165. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad Yazīd al-qazwayniy, *Sunan Ibnu Mājah* (Kaherah, Dār al-Hadīth, 1998), 3:281.

bahawa larangan dalam *hadīth* riwayat Abu Hurairah RA. bukan larangan *tahrīm*, tetapi *makrūh*.³⁷

2. ‘Illah.

Dalam memahami dalil sunnah Rasul SAW. Muhammadiyah lebih mengutamakan pemahaman secara konstektual, iaitu; pemahaman yang melihat kepada latar belakang, matlamat, sebab (*‘illah*), ataupun disebut dengan *sabab al-wurūd*.³⁸ Sepertimana *hadīth* Rasul SAW. dalam masalah tentang khutbah juma’at yang pernah dilakukan oleh Rasul SAW. dengan menggunakan Bahasa Arab. Maka pada masa sekarang pemahaman yang demikian tidak lagi diamalkan. Disebabkan matlamat asas daripada khutbah juma’at ialah menyampaikan *tausiah* kepada jemaah agar sentiasa menigkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT. Jika khutbah mesti dilakukan dengan Bahasa Arab, maka jemaah yang bukan orang arab tidak akan dapat mengambil pelajaran daripada khutbah tersebut.³⁹

Demikian pula Pernyataan yang menyebutkan bahawa hukum bersesuai dengan *‘illah*. Apabila *‘illah* itu ada maka hukum itupun tetap ada, apabila *‘illah* itu telah hilang maka hukum itu pula akan berubah. Contohnya sepertimana *hadīth*: daripada Abu Hurairah RA. bahawa Nabi SAW. berkata:

لَا يَحِلُّ لِإِمْرَأَةٍ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ تُسَافِرُ مَسِيرَةً يَوْمٍ إِلَّا مَعَ ذِي حُرُمَةٍ إِلَيْهَا

³⁷ Prof. Drs. H. Asjmuni Abdurrahman, *Manhaj Tarjih Muhammadiyah*, 208.

³⁸ Imam al-Dahlawi, dalam kitabnya *Hujjat al-Balighah* mengatakan pamahaman *hadīth* menurut *‘illah* telahpun banyak diamalkan sejak zaman sahabat.

³⁹ Prof. Drs. H. Asjmuni Abdurrahman, *Manhaj Tarjih Muhammadiyah*, 169.

Terjemahan: tidak halal bagi seseorang perempuan yang beriman kepada Allah dan hari akhir untuk bermusafir satu hari kecuali dengan mahramnya.⁴⁰

Memahami *hadīth* ini tanpa melihat ‘illat al-*hadīth* maka akan berpandangan bahawa haramnya perempuan keluar rumah tanpa *mahram*.⁴¹ Akan tetapi kondisi sekarang, ketika perjalanan jauh ditempuh dengan menggunakan kapal terbang yang mengangkut 1000 orang penumpang atau lebih, maka tidak ada lagi alasan kekawatiran bagi perempuan yang bepergian seorang diri. Maka jika ‘illah sudah tidak ada hukumpun akan berubah. Memahami *hadīth* seperti ini termasuk pada prinsip mendahulukan *dalil naṣ* yang bersifat fleksibeliti dalam menghadapi situasi dan kondisi.

3. *Fahm al-ma’āniy*.

Keputusan Muhammadiyah di dalam Pokok-pokok Manhaj Majlis Tarjih menyebutkan: Dalam memahami dalil, makna *zāhir*⁴² lebih didahulukan daripada makna *ta’wīl*⁴³ dalam masalah ‘aqīdah. Dan *ta’wīl* sahabat dalam masalah ini tidak mesti di terima.⁴⁴

⁴⁰ *Hadīth saḥīḥ* riwayat Muslim, Kitab al-Ḥajj, Bab Safar al-Mar’ah Ma’ā Maḥrāmin Ilā al-Ḥajj wa Ghairih, no. ḥadīth 430. Lihat al-Qādiy ‘Iyād, *Sharḥ Saḥīḥ Muslim li al-Qādiy ‘Iyād al-Musammā Ikmāl al-Mu’lim bi Fawāid Muslim*, (Beirut, Lubnān, Dār al-Wafā’, 2004), 4:449.

⁴¹ Dr. Yusuf al-Qardāwi menyatakan: ‘illah dibalik larangan ini adalah kekhawatiran akan keselamatan wanita apabila ia bepergian jauh tanpa disertai oleh suami atau *mahram*-nya. Hal ini mengingat dimasa itu orang-orang menggunakan kenderaan unta ataupun keledai. Dalam perjalanan mereka banyak mengarungi padang pasir yang luas atau daerah yang jauh dari pemukiman penduduk. Dalam kondisi seperti itu seorang perempuan yang bepergian tanpa disertai suami ataupun *mahram*-nya, tentu dikhawatirkan keselamatan dirinya atau pula kehormatannya.

⁴² Makna *zāhir* menurut pandangan ‘ulama *uṣūl* ialah makna yang segera dapat difahami daripada kata-kata tersebut.

⁴³ Makna *ta’wīl* menurut pandangan ‘ulama *uṣūl* ialah makna penafsiran yang memalingkan makna suatu perkataan daripada makna *zāhir*-nya. Adapun syarat-syarat *ta’wīl* ialah; pertama, orang yang men-*ta’wīl*-kan sesuatu dalil, mahir dalam bidang pen-*ta’wīl*-an dan mengetahui pelbagai *takhaṣṣiṣ* dalam ilmu agama, kedua, *lafaz* tersebut memungkinkan untuk di-*ta’wīl*-kan, ketiga, didapati dalil kuat yang mendukung pen-

Dari beberapa perbahasan di atas nampak bahawa Muhammadiyah telah berusaha kuat bagi mendapatkan yang lebih sempurna dalam mengeluarkan fatwa ataupun putusan hukum. Mulai daripada membuat panduan dalam *Majlis Tarjīh*, sampai kepada mengaplikasikannya mengikut kaedah Ilmu Usul Fiqh yang sedia ada. Akan tetapi ada beberapa hal yang mungkin terlupakan daripada kaedah *tarjīh*, dan kadangkala tertinggal dalam mengaplikasikannya. Muhammadiyah dalam memutuskan fatwa dan menjalankan konsep *tarjīh*, kadangkala didapati putusan yang semestinya diputuskan melalui kaedah *tarjīh* akan tetapi mereka memutuskannya melalui konsep maslahat dan kemajuan teknologi. Sehingga pada putusan Muhammadiyah tersebut nampak adanya percanggahan samaada dari sudut kaedah ataupun dari sudut aplikasi terhadap fatwa yang dikeluarkan. Fatwa-fatwa berkenaanlah yang akan pengkaji analisis pada Bab IV di hadapan ini, mengikuti kaedah-kaedah yang sedia ada dan juga kaedah yang dijadikan panduan dalam Muhammadiyah.

^{ta'will-an} tersebut. Lihat, Dr. Muhammad Wafā', *Ta'arud al-Adillah al-Shar'iyyah min al-Kitāb wa al-Sunnah wa al-Tarjīh Bainahā; Metode Tarjih atas kontradiksi Dalil-dalil Syara'*, Terj. Muslich, S.Ag, 128.
⁴⁴ Pokok-pokok *Manhaj Majlis Tarjīh*; 16, lihat Prof. Drs. H. Asjmuni Abdurrahman, *Manhaj Tarjih Muhammadiyah*, 23.